

PENGGUNAAN PENDEKATAN PERPUSTAKAAN DALAM  
PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN  
DI SEBUAH SEKOLAH

Mazda @ Mazdarudin B Mohd Isa

Kertas Projek Yang Dikemukakan Kepada Fakulti Pendidikan,  
Universiti Malaya Sebagai Memenuhi Sebahagian Daripada  
Keperluan Ijazah Sarjana Pendidikan

1999

Perpustakaan Universiti Malaya



A510575907

OK

## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk melihat dan meninjau sejauhmana tahap kekesanan pendekatan atau kaedah, penggunaan , peranan serta sumbangan yang dapat diberikan oleh perpustakaan dalam pengajaran dan pembelajaran di kalangan guru dan murid. Kajian ini juga melihat sikap dan persepsi guru terhadap perpustakaan serta masalah-masalah yang dihadapi dalam menerapkan pendekatan atau kaedahnya dalam pengajaran dan pembelajaran.

Kajian ini dijalankan melalui kaedah temu bual berstruktur. Temubual digunakan untuk mendapatkan respon guru terhadap pendekatan perpustakaan dalam pengajaran dan pembelajaran. Jawapan temubual ini ditranskripsikan dan dianalisa secara diskriptif mengikut tema-tema yang tertentu berdasarkan soalan kajian yang dibina. Sampel kajian terdiri daripada dua belas orang guru yang pelbagai latar belakang pengalaman di Sekolah Menengah Kebangsaan Tengku Kudin, Raub, Pahang.

Hasil kajian menunjukkan bahawa perpustakaan banyak memainkan peranan untuk membantu guru dan murid dalam pengajaran dan pembelajaran. Sungguhpun begitu, kajian ini memperlihatkan bahawa guru dan murid mempunyai tahap kefahaman atau kemahiran menggunakan perpustakaan yang rendah dan perlukan perhatian yang sewajarnya. Bagaimanapun, kebanyakan responden menyetujui akan keperluan pendekatan ini dalam proses pengajaran mereka.

Beberapa cadangan telah diajukan bersama kaedah-kaedah tertentu . Tindakan yang sesuai telah disarankan untuk diambil tindakan sebagai mempertingkatkan sumbangan dan penggunaan perpustakaan dalam peranannya sebagai pusat atau gedung maklumat dan ilmu untuk perkembangan pendidikan.

## ABSTRACT

### **"THE USAGE OF LIBRARY APPROACH IN TEACHING AND LEARNING PROCESS IN A SCHOOL"**

The purpose of this study is to find out the degree of effectiveness in the method, usage, role and contribution of the library in the teaching and learning process among the teachers and students. This study will also focus the attitude and perception of the teachers towards the library and the problems that they have to face in practising this approach or method in teaching and learning.

This study is conducted through a structured interview method whereby teachers' responses are transcribed and then analysed descriptively according to certain themes based on the questions asked. The respondents for this study consist of 12 teachers from SMK. Tengku Kudin, Raub who have various experience background.

The outcome of the study shows that the library plays an important role in helping teachers and students in the teaching and learning process. Despite that, it also show that both teachers and students have low skill and comprehension level in using the library and those need special attention. However, most respondents agree to the need of this approach in their teaching process.

Several suggestion have been brought forward along with certain methods. Suitable actions had been suggested to increase the contribution and usage of the library in its role as a knowledge and information centre for educational development.

## PENGHARGAAN

ALHAMDULILLAH, bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana limpah kurnianya telah dapat saya menyempurnakan penulisan Kertas Projek ini dalam tempoh yang ditetapkan.

Untuk kesempatan ini, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Penyelia-penulisan Kertas Projek ini, Prof Madya Dr. Saedah Siraj, yang tidak pernah mengenal erti penat dan jemu dalam membimbing, menegur dan memberi tunjuk ajar kepada saya sepanjang tempoh penulisan ini. Berkat sumbangan dan kerjasama yang diberikan itu telah membantu saya menyempurnakan penulisan Kertas Projek ini dengan sebaik-baiknya.

Ucapan terima kasih juga saya hulurkan kepada Pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan Tengku Kudin dan sampel guru-guru dari sekolah tersebut yang sudi berkerjasama dan membenarkan saya membuat kajian dan menggunakan kemudahan-kemudahan di sekolah. Tidak ketinggalan juga, ucapan terima kasih saya berikan kepada Guru Penyelaras Perpustakaan Sekolah Menengah Kebangsaan Tengku Kudin, Raub kerana sedia membantu memberikan segala maklumat yang berkaitan dengan kajian ini.

Kepada semua rakan yang telah turut membantu memberi pendapat, galakan dan semangat kepada saya, tidak lupa juga untuk saya merakamkan rasa terhutang budi dan terima kasih. Di atas segala sumbangan ikhlas yang diberikan oleh saudara semua, tidak akan saya lupakan dan akan dijadikan kenangan abadi sepanjang hayat.

Akhir kata, jutaan terima kasih turut saya hulurkan khusus kepada isteri saya dan anak-anak kerana kesabaran dan kerjasama yang diberikan dalam usaha menyiapkan Kertas Projek ini sehingga berjaya. Sesungguhnya, hanya Allah SWT sahaja yang dapat membalas sumbangan dan pengorbanan kalian.

MAZDA @ MAZDARUDIN B HJ. MOHID ISA  
116, TMN. KEMAJUAN, 27600 RAUB, PAHANG.

## SENARAI KANDUNGAN

Abstrak	iii	
Abstract	iv	
Penghargaan	v	
Kandungan	vi	
<b>BAB SATU</b>	<b>PENGENALAN</b>	
1.1	Latar belakang Kajian	1
1.2	Penyataan Masalah	8
1.3	Kepentingan Kajian	10
1.4	Asumsi Kajian	11
1.5	Objektif Kajian	12
1.6	Soalan Kajian	13
1.7	Definisi Operasional	14
1.8	Ruang Lingkup	16
1.9	Batasan Kajian	17
<b>BAB DUA</b>	<b>KAJIAN-KAJIAN YANG BERKAITAN</b>	
2.1	Kajian Barat	18
2.2	Kajian di Malaysia	22
2.3	Kesimpulan	26
<b>BAB TIGA</b>	<b>KAEDAH DAN PROSEDUR KAJIAN</b>	
3.1	Pengenalan	27
3.2	Reka Bentuk Kajian	27
3.3	Tempat Kajian	30
3.4	Sampel Kajian	31
3.5	Alat Kajian	31
3.6	Penganalisaan Data	32

<b>BAB EMPAT</b>	<b>ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN</b>	
4.1	Pengenalan	33
4.2	Analisis Data	33
4.3	Kekerapan Penggunaan Perpustakaan Oleh Guru	34
4.4	Tujuan Penggunaan Pendekatan Perpustakaan	38
4.5	Bentuk Pembelajaran Guru Dalam Penggunaan Perpustakaan	41
4.6	Respon Pelajar Terhadap Penggunaan Perpustakaan	45
4.7	Masalah-masalah Penggunaan Perpustakaan	53
4.8	Program Yang Disediakan Oleh Guru Penyelaras Perpustakaan	56
<b>BAB LIMA</b>	<b>KESIMPULAN DAN CADANGAN</b>	
5.1	Pengenalan	60
5.2	Kesimpulan	61
5.3	Cadangan	69
5.4	Penutup	74
5.5	Kajian Lanjutan	75
<b>BIBLIOGRAFI</b>		76
<b>LAMPIRAN</b>		